



**TEKS UCAPAN  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**SEMPENA PENGHANTARAN MALBATT 850 – 12  
KUMPULAN KEEMPAT  
DI PANGKALAN UDARA SUBANG**

**18 NOVEMBER 2024, ISNIN**

## **SALUTASI:**

- Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM  
Panglima Angkatan Bersama
- Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Khairul Anuar bin Abd Aziz,  
Ketua Staf Markas Angkatan Bersama
- Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Tong Veng Leong TUDM  
Asisten Ketua Staf J3  
Markas Angkatan Bersama
- Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Ariffin  
Panglima 3 Divisyen
- Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Isa bin Daud  
Wakil Ketua Pengarah OPLAT TD
- Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad  
Saad  
Panglima 7 Briged
- Yang Berbahagia Laksamana Pertama Ts. Rozaide bin Megat Othman  
Wakil Pengarah Kanan JUTRA
- Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Yusri bin Jamari TUDM  
Komander Pangkalan Udara Subang
- Yang Berusaha Leftenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin  
Penasihat Pertahanan Negara Brunei

- Dato'-Dato', pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan anggota Kumpulan Keempat *Malaysian Battalion 850 – 12* bagi misi *United Nations Interim Force in Lebanon* (Unifil) serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Salam Sejahtera dan Salam Madani**

1. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesungguhnya dengan keizinan dan inayah-Nya jua, maka kita dipertemukan pada hari ini di Pangkalan Udara Subang bersempena majlis **penghantaran kumpulan keempat** iaitu **kumpulan terakhir bagi kontinjen Malbatt 850 – 12**.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh anggota Malbatt 850 – 12 kerana terpilih untuk menyertai misi PBB ke Lubnan.
3. Untuk makluman umum, kontinjen MALBATT 850 – 12 secara keseluruhannya berkekuatan **854 anggota**, terdiri daripada 82 pegawai dan 772 Lain-Lain Pangkat (LLP), termasuk 3 pegawai dan 27 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, serta seorang pegawai kewangan awam dari Kementerian Pertahanan.
4. **Kumpulan keempat dan terakhir** pada hari ini pula diketuai oleh Timbalan Komander MALBATT 850 – 12, Leftenan Kolonel Firdaus bin Shah Budin dengan kekuatan **209 anggota**, terdiri daripada 7 pegawai dan 202 anggota LLP.

5. Sesungguhnya negara dan ATM telah memberi kepercayaan dan harapan yang tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menggalas tanggungjawab serta amanah bagi meneruskan misi UNIFIL dan seterusnya membawa kecemerlangan seperti yang telah dilakarkan oleh kontinjen-kontinjen Malbatt yang terdahulu.
6. Pemergian kontinjen Malbatt 850 – 12 pada hari ini, akan terus melakar sejarah penting negara dalam merealisasikan komitmen ATM di bawah panji-panji PBB, khususnya di Lubnan.
7. Sejarah telah membuktikan bahawa penglibatan ATM di Lubnan melalui kontinjen Malbatt telah mendapat pengiktirafan dan kepercayaan antarabangsa. Kepercayaan ini membuktikan bahawa ATM mampu memainkan peranan penting dalam tugas misi pengaman setanding dengan angkatan tentera negara lain.
8. Penglibatan ini jelas membuktikan bahawa Malaysia amat komited dalam pelaksanaan misi bantuan kemanusiaan kepada negara yang memerlukan, demi memastikan keamanan dan keselamatan sejagat dapat dipertahankan.
9. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Malaysia merupakan sebuah negara yang cintakan keharmonian, kesejahteraan dan sentiasa menyokong segala usaha ke arah pendamaian. Visi ini dibuktikan melalui penyertaan Malaysia secara konsisten dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membantu mengekalkan keamanan di kawasan yang dilanda konflik.
10. Penglibatan negara Brunei Darussalam melalui Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam kontinjen ATM juga dapat meningkatkan hubungan kerjasama pertahanan serta semangat setiakawan ATM dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tuan-tuan dan hadirin sekalian,

11. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penugasan kali ini dilihat lebih mencabar ekoran konflik Israel - Gaza yang telah tercetus sejak 7 Oktober 2023. Sehingga kini, situasi yang kekal tegang dan meluas di antara kedua-dua belah pihak telah mengakibatkan ribuan nyawa terkorban dan kemusnahan harta benda. Keadaan yang bergolak ini secara tidak langsung memberi kesan kepada situasi keselamatan di selatan Lubnan dan boleh menjejaskan pengoperasian kontinjen Malbatt sekiranya berlanjutan.
12. Alhamdulillah, kumpulan terakhir kontinjen Malbatt 850 - 11 yang akan pulang ke tanah air pada 20 November 2024 masih berada dalam keadaan baik dan selamat.
13. Walaupun terdapat insiden melibatkan konvoi pertama Malbatt 850 - 12 dalam kejadian letupan di Beirut pada 7 November 2024, Kementerian dan ATM ingin memaklumkan bahawa konvoi berkenaan telah selamat tiba di Kem Marakah pada hari yang sama dan keenam-enam anggota yang terlibat hanya mengalami kecederaan ringan.
14. Pada kesempatan ini, suka saya mengingatkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan hendaklah terus mengekalkan sifat berkecuali, sentiasa mengutamakan keselamatan dan mematuhi segala peraturan serta prosedur yang ditetapkan oleh pihak UNIFIL. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan mampu memikul tanggungjawab serta amanah ini dengan sebaik mungkin, Insyallah.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga Malbatt 850 – 12 kerana merestui pemergian wira negara ini untuk melaksanakan misi UNIFIL di Lubnan. Insyallah kebajikan dan keselamatan setiap pegawai dan anggota Malbatt 850 – 12 ini akan terus di pantau oleh Markas Angkatan Bersama.

16. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendoakan agar kontinjen Malbatt 850 - 12 dipermudahkan segala urusan, diberikan kesihatan dan keselamatan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan serta sentiasa dirahmati Allah Subhana Wataala. Kepada ahli keluarga, teruskan menitip doa buat yang dikasihi sepanjang mereka berada di bumi Lubnan.
17. Bagi pihak Kementerian Pertahanan dan ATM, saya dengan setulus ikhlas mengucapkan “**Selamat Jalan dan Selamat Bertugas di Bumi Lubnan**”. Semoga tempoh 12 bulan penugasan di bumi Lubnan akan menjadi kenangan yang terindah dalam perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, insyaAllah. Sekian, saya sudahi dengan

وبالله توفيق والحداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته